

11 AUG 1998

Abdullah-Laos

MALAYSIA DAN LAOS GUNA MATAWANG SENDIRI DALAM PERDAGANGAN TUKAR BARANG

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Laos hari ini bersetuju meningkatkan perdagangan dua hala menerusi pendekatan tukar barang dan penggunaan matawang masing-masing, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Beliau berkata Malaysia telah memaklumkan mekanisme baru perdagangan Asean mengenai penggunaan matawang serantau kepada Laos, yang bersetuju dengan cara itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memaklumkan penggunaan mekanisme itu semasa pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Laos Sisavath Keobounphanh di Jabatan Perdana Menteri hari ini, katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu dan majlis mendatangi perjanjian perdagangan dan pelancongan antara kedua-dua negara.

Abdullah berkata Malaysia berharap Laos memperoleh manfaat daripada penggunaan mekanisme itu kelak.

Dalam pertemuan kedua-dua pemimpin negara itu, Malaysia bersetuju membantu Laos membangunkan sektor luar bandarnya memandangkan pendekatan yang digunakan oleh negara itu mempunyai persamaan dengan Malaysia dalam memajukan sektor itu, katanya.

Abdullah berkata Sisavath telah memaklumkan kepada Dr Mahathir mengenai tindakan dan matlamat pembangunan Laos serta strategi dan pendekatan yang akan diambilnya bagi membangunkan negaranya.

Dr Mahathir pula melahirkan keyakinan bahawa negara itu akan cepat membangun selepas ia menganggotai Asean sejak tahun lepas.

Abdullah berkata kedua-dua negara akan mengadakan rancangan pertukaran pegawai yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Pegawai Laos yang akan ke sini akan menimba pengetahuan dan pengalaman Malaysia yang dilihat sebagai sebuah negara contoh yang berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar manakala pegawai Malaysia yang ke negara itu dapat melihat perkembangan pembangunan di sana, katanya.

Beliau berkata Laos juga telah meminta Penerbangan Malaysia supaya menyambung semula perkhidmatannya ke Vientiane, yang dihentikan kerana faktor penumpang, berikutan lapangan terbang di situ kini mempunyai kemudahan yang berupaya mengendalikan pesawat.

Bagaimanapun, Dr Mahathir memaklumkan bahawa MAS boleh menggunakan pesawat kecil untuk tujuan itu.

Abdullah juga berkata Laos turut memberi persetujuan untuk meneruskan kerjasama dalam hal-hal berkaitan Asean.

Laos juga telah meminta bantuan Malaysia untuk menyediakan kursus Bahasa Inggeris khusus kepada pegawainya bagi memudahkan mereka berurusan dengan anggota Asean.

Selepas pertemuan itu, Dr Mahathir dan Sisavath menyaksikan perjanjian perdagangan dan pelancongan antara kedua-dua negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik masing-masing mewakili Malaysia dalam perjanjian itu manakala Menteri Perdagangan Laos Phoumi Thipphavone mewakili negaranya untuk kedua-dua perjanjian itu.

Perdagangan dua hala Malaysia dengan Laos berjumlah RM6.5 juta tahun lepas. Malaysia mengesport barangan berjumlah RM6.2 juta sementara mengimport barangan berjumlah RM270,000 dari Laos.

--BERNAMA

ARA NAK